16 DEC 2001
Mahathir-ekonomi
EKONOMI DIJANGKA TUMBUH 0.5 HINGGA 1 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Dis (Bernama) -- Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh antara 0.5 dan 1 peratus tahun ini tetapi tahun depan ia akan menjadi lebih baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mungkin 1 peratus, sudah tentu agak sukar...mungkin setengah peratus tahun ini. Tahun depan akan jadi lebih baik," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada rumah terbuka hari raya beliau di Seri Perdana di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata ekonomi negara menunjukkan tanda-tanda pemulihan daripada kejutan awal akibat daripada serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas dan sebagai contoh, beliau menyebut bahawa orang ramai sudah melancong semula.

"Saya percaya dalam masa satu atau dua bulan, orang akan terus melancong, mungkin tidak seramai dahulu tetapi cukup untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kita," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Katanya ekonomi Malaysia berada di paras yang agak baik jika diambil kira bahawa dunia sedang mengalami tempoh yang amat sukar.

"Kita adalah sebuah negara perdagangan dan jika (negara-negara di) dunia tidak menunjukkan prestasi baik, sudah pasti mereka tidak akan membeli barangan yang kita hasilkan. Tetapi kita menjana pertumbuhan ekonomi menerusi aktiviti domestik dan kita dapat melihat bahawa perniagaan runcit amat baik, semua kompleks beli belah penuh dengan manusia yang bukan sekadar berada di situ tetapi mereka membeli barangan, dan saya berpendapat ini sangat baik," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat menggunakan cuti Hari Raya untuk bercuti di tempat-tempat peranginan dan ini juga baik untuk ekonomi negara.

Mengenai kenyataan pemimpin-pemimpin pembangkang bahawa Barisan Nasional akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal, Dr Mahathir berkata beliau tidak faham pendirian pembangkang.

"Di satu pihak, mereka kata keadaan di negara ini amat buruk, bahawa ekonomi tidak kukuh...jika ekonomi tidak baik, kenapa kerajaan nak adakan pilihan raya," katanya.

Biasanya, kerajaan akan mengadakan pilihan raya jika ia tahu ia akan menang dan apabila keadaan dalam negara sangat baik, kata Dr Mahathir.

"Jadi mereka akui keadaan dalam negara baik dan tidak seperti yang mereka katakan. Saya tak faham mereka...mereka taksub kepada pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan melihat pilihan raya sebagai perkara yang serius, sebaliknya pembangkang menganggapnya sebagai "perkara mainan".

"Kita serius tentang pilihan raya dan tidak akan mengadakannya semata-mata kerana kita yakin akan menang. Pada 1999, apabila kerajaan menghadapi pelbagai masalah, kita adakan juga pilihan raya," katanya.

Ketika ditanya tentang kemungkinan pilihan raya diadakan sebelum mandat sekarang berakhir pada 2004, Dr Mahathir berkata : "Tak tahulah."

Mengenai satu perkara lain, Perdana Menteri berkata pertemuan singkat beliau dengan Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat di Kedah minggu lepas adalah bagi membolehkan Ong menjelaskan mengenai usahanya (Ong) untuk menyelesaikan secara baik masalah dalaman parti itu.

"Katanya dia tidak mahu menjadi perbalahan dalaman sebagai satu isu, dan dia mahu agar masalah itu diselesaikan dengan baik. Saya setuju bahawa itulah cara yang sepatutnya," kata Dr Mahathir.

Mengenai sambutan Hari Raya di Seri Perdana hari ini, Perdana Menteri berkata beliau gembira melihat rakyat pelbagai lapisan turut menyambut perayaan itu.

"Inilah keunikan Malaysia kerana semua bangsa menyambut semua perayaan," katanya.

-- BERNAMA

SR DC MAI